

Kerapuhan institusi keluarga cetus masalah sosial

Kuala Lumpur: Kerapuhan institusi masyarakat perlu ditangani segera dengan mengambil langkah rasional, profesional, strategik dan komprehensif dalam mengatasi masalah sosial yang membelenggu di negara ini.

Peningkatan kes seperti penderaan kanak-kanak, bayi terbiar, rogol, juvana, ketagihan dadah, pembunuhan dan keganasan rumah tangga memberi impak negatif kepada negara.

Pensyarah Jabatan Pengajian Kegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Amini

Amir Abdullah, berkata keberkesanan Dasar Sosial Negara dalam pengukuhan institusi kekeluargaan perlu dilihat kembali berdasarkan kepada realiti masalah sosial yang sedang dihadapi.

Tumpu pendidikan agama

Katanya, Dasar Sosial Negara tidak mempunyai dimensi penyataan masalah dalam semua konteks, kesedaran mengenai masalah yang membelenggu masyarakat dan bagaimana untuk mengatasi masalah dengan tuntas.

Jadi sudah tiba masanya kini memberi tumpuan kepada pen-

didikan keagamaan dan spiritual untuk menjadi pemangkin pembangunan dan kemajuan sosial serta negara.

“Semua kurikulum untuk kursus kaunseling praperkahwinan, pasca perkahwinan harus dikaji semula serta memasukkan kemahiran keibubapaan dan pengurusan isi rumah,” katanya.

Bantu golongan sasar

Sementara itu, Profesor Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Dr Abdul Rahim Abdul Rahman, berkata secara umumnya kerajaan

turut membantu dalam menangani kos sara hidup dari perspektif maqasid al-syariah kepada golongan sasar.

“Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) dan Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PR1MA) antara elemen pemeliharaan harta dalam kalanngan rakyat, manakala Klinik 1 Malaysia pula memenuhi keperluan pemeliharaan untuk keturunan.

“Secara umumnya, kerajaan tidak pernah mengabaikan dan sentiasa berusaha dalam membantu sosioekonomi rakyat dalam menuhi keperluan semua elemen maqasid al-syariah,” katanya.



Dr Amini Amir